



**TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT
YANG BERHORMAT DATO SERI PADUKA HAJI
AWANG ABDUL MOKTI BIN HAJI MOHD DAUD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

DI MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL BAGI

**PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN (EDPSGO)
KALI KE-25,
PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN PERINGKAT
PERTENGAHAN (EDPMMO) KALI KE-25
DAN
PROGRAM EKSEKUTIF MUDA (YEP) KOHOT-2**

**PADA HARI SELASA,
27 RAMADHAN 1439H / 12 JUN 2018M
JAM 12.45 TENGAHARI**

**BERTEMPAT DI DEWAN TEATER,
JABATAN PERDANA MENTERI**



الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين
اما بعد
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia,

Dr Norfarizal bin Othman, Pemangku Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam, selaku Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat,

Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya
Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh, Peguam
Negara,

Yang Mulia

Datin Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei,

Yang Mulia Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yang Mulia Juruaudit Agong,

Yang Mulia,
Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha
Tetap, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, serta
Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan,

Yang Mulia,
Para Peserta Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-
Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-25; Program
Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-25 dan Program
Eksekutif Muda (YEP) Kohot-2, serta hadirin dan hadirat yang
dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala dan selawat serta salam kerana dengan nikmat dan 'inayah-Nya jua, kita semua diberikan kesempatan untuk sama-sama berkumpul di majlis pada tengahari ini. Terlebih dahulu, saya dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam di atas ingatan baik mengundang saya hadir di majlis penyampaian sijil bagi pegawai-pegawai di kalangan dari tiga (3) generasi iaitu pegawai-pegawai di peringkat kanan (senior), pegawai-pegawai di peringkat pertengahan dan juga pegawai-pegawai muda.

2. Di kesempatan ini juga, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya menjalani pelbagai program kepimpinan iaitu Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-25; Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-25 dan Program Eksekutif Muda (YEP) Kohot-2. Saya percaya biskita semua pegawai-pegawai dari kalangan tiga (3) generasi merupakan nadi ke arah pembangunan negara dan juga pemimpin pada akan datang, Insha Allah.

3. Saya percaya kesemua program yang telah dilaksanakan ini adalah suatu usaha murni yang mencerminkan kesungguhan usaha, pemedulian tinggi, komitmen dan kesedaran pihak kerajaan terhadap pentingnya melahirkan pemimpin yang berwibawa dan benar-benar berkualiti serta akan dapat berkhidmat dengan penuh dedikasi ke arah membangun negara.

Adalah menjadi harapan pihak Kerajaan agar semua peserta yang terlibat dalam program-program kepimpinan ini akan dapat menerapkan serta mengaplikasikan ilmu yang diperolehi di sepanjang program dijalankan dalam sama-sama mengembleng tenaga dan juga minda bagi mencapai visi, matlamat dan objektif organisasi masing-masing and seterusnya mencapai Wawasan Brunei 2035.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

4. Di sini sukacita saya menarik perhatian mengenai sifat-sifat kepemimpinan yang perlu ada bagi setiap pemimpin.

4.1 **Pertama, Akhlak Mulia.** Apabila kita bercakap mengenai tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin, sudah pastinya ia bukanlah suatu tugas yang mudah atau tugas sekadar untuk berlagak dan menunjuk kuasa. Bahkan, amat jelas ianya merupakan satu amanah yang sangat besar dan berat, yang perlu ditanai dengan sebaik-baik dan sehalus-halusnya, dengan penuh kejujuran, keadilan, kebijaksanaan serta komitmen yang tinggi. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam melalui hadits-hadits baginda seringkali menekankan secara jelas mengenai akhlak serta etika sebagai seorang pemimpin.

Untuk menjadi pemimpin yang cemerlang, seorang pemimpin perlu memiliki serta mengamalkan empat (4) akhlak utama dalam segala aspek samada percakapan mahupun perbuatannya. Akhlak-akhlak yang saya maksudkan tersebut iaitu sifat **siddiq**; yakni benar, ke-2... sifat **amanah** dalam kepemimpinannya, ke-3... sifat **tabligh** yakni menyampaikan terutama sekali dalam maksud melaksanakan konsep *amar ma'ruf nahi mungkar*

(menyuruh berbuat segala kebaikan dan melarang segala keburukan) dan ke-4... **fathanah** yakni bijaksana.

Sekiranya keempat-empat sifat utama ini diterapkan dan diamalkan dalam diri seorang pemimpin, maka sudah setentunya etika kepemimpinan akan berjalan dengan sempurna serta dapat dapat memberikan manfaat dan faedah yang sangat besar kepada pengurusan dan pentadbiran sesebuah institusi atau organisasi dan seluruh warga di dalamnya.

Nilai-nilai kepemimpinan yang luhur lagi murni melalui empat (4) sifat utama yang telah saya nyatakan tadi juga turut ditekankan di dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 22 November 2017 bersamaan 03 Rabiulawal 1439 sempena Hari Perkhidmatan Awam yang Ke-24 dimana Baginda menitahkan bahawa,

“....warga perkhidmatan awam yang baik ialah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan amanah, bukan yang cekap tetapi curang. Kalau siapa diberikan kuasa, maka kuasa itu adalah amanah, tidak boleh digunakan sewenang-wenang seperti untuk kepentingan diri sendiri atau untuk

menjejaskan orang lain, sekalipun yang terjejas itu hanya sekadar 'nama baik' sahaja."

Seyogianya, sama-samalah kita secara kolektif menjunjung titah baginda dan menjadikannya sebagai panduan dalam memimpin, mentadbir dan menjalankan tugas di Kementerian dan Jabatan masing-masing.

4.2 **Kedua, mengambil berat tentang orang bawahan.**

Di kesempatan ini, ingin saya mengongsikan dan mengingatkan antara etika yang sangat perlu untuk kita hayati bersama dan sering ditekankan oleh baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi iaitu '***Tuntutan Untuk Sentiasa Bertanggungjawab Ke Atas Orang-Orang Di Bawahnya***' sebagaimana hadits baginda:

أَلَا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الرَّعِيَّةُ مِنَ الَّذِينَ فِي بَيْتِكُمْ مَلَائِكَةٌ مَّرْسُومَةٌ
أُولَئِكَ فِيكُمْ فَاحْتَرِمُوا مَا لَكُمْ فِي بَيْتِكُمْ مِنْ حَيْثُ مَلَائِكَةٌ مَرْسُومَةٌ
وَمَا لَكُمْ فِي بَيْتِكُمْ مِنْ حَيْثُ مَلَائِكَةٌ مَرْسُومَةٌ
فَاحْتَرِمُوا مَا لَكُمْ فِي بَيْتِكُمْ مِنْ حَيْثُ مَلَائِكَةٌ مَرْسُومَةٌ
وَمَا لَكُمْ فِي بَيْتِكُمْ مِنْ حَيْثُ مَلَائِكَةٌ مَرْسُومَةٌ
فَاحْتَرِمُوا مَا لَكُمْ فِي بَيْتِكُمْ مِنْ حَيْثُ مَلَائِكَةٌ مَرْسُومَةٌ

Ertinya:

Tiap-tiap orang adalah pemimpin dan akan diminta pertanggungjawaban atas kepemimpinannya. Seorang ketua/pemimpin negara akan diminta pertanggungjawaban ke atas hal ehwal rakyat yang dipimpinnya. Seorang suami akan ditanya perihal keluarga yang dipimpinnya. Seorang isteri yang memelihara rumah tangga suaminya akan ditanya perihal tanggungjawab dan tugasnya. Manakala seorang pembantu rumah tangga yang bertanggungjawab memelihara atau menjaga barang milik majikannya juga akan ditanya dari hal yang dipimpinnya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan ditanya (diminta pertanggungjawaban) darihal hal yang dipimpinnya

Berdasarkan hadits tersebut, sukalah saya menegaskan bahawa untuk menjadi pemimpin yang benar-benar berwibawa dan berkepemimpinan tinggi, sudah semestinya berkait rapat dengan sejauh mana jalinan hubungan serta penerimaan orang bawahan terhadap kepimpinannya. Justeru itu, setiap pemimpin hendaklah sentiasa memelihara kesejahteraan bawahan dalam segala aspek dari pelbagai sudut. Datangi mereka, duduk minum bersama mereka, sama-sama behaup-haup membalikan makanan. Tuangkan teh & kopi mereka. Kemesraan dan rasa hormat dan penghargaan akan timbul. Kerjasama erat akan mudah tercipta. Tinjau-

tinjau dan jengok-jengok keadaan mereka bekerja. Ambil tahu keadaan kerja mereka. In syaa Allah, kerja kan mudah dan 'beres' dan hasilnya 'best' dan 'luar biasa'. Janganlah sekali-kali mengabaikan kebajikan pegawai dan kakitangan bawahan kerana mereka ini umpama kaki yang boleh membawa ke mercu kejayaan; umpama tangan yang sudah kasar kerana sentiasa bejarah dan bekarih menjayakan tugas yang diberikan sehingga belurih serta umpama mata agar hala tuju pemimpin itu sentiasa berada di landasan yang betul dan tidak 'terkulipit' serta lari daripada tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.

Ini termasuklah dari segi perkembangan kerjaya yang teratur, penyediaan persekitaran kerja yang kondusif, memberi pengiktirafan bagi sebarang pencapaian yang signifikan, memberi peluang pembangunan diri secara adil dan yang sebagainya. Saya percaya jika hal ehwal kebajikan ini dijaga dengan baik, kesan positifnya akan meningkat dari segi peningkatan komitmen, dedikasi dan disiplin para pegawai dan kakitangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telahpun diamanahkan.

Secara holistik, setiap pegawai dan kakitangan yang bernaung di bawah satu organisasi, samada mereka yang di peringkat atasan, mahupun kakitangan bawahan, kesemua adalah pelaksana kerja di dalam organisasi berkenaan. Jika semangat kerja di kalangan organisasi itu menurun, maka sudah setentunya akan terjejaslah mutu prestasi serta pencapaian yang akan dihasilkan dan akhirnya akan membawa kerugian besar kepada semua pihak.

4.3 Sifat yang ketiga yang perlu ada adalah **Keterbukaan dan Syura (Berbincang)**. Pemimpin yang berkualiti juga semestinya akan sentiasa bersifat terbuka dan mengamalkan perbincangan (mesyuarat) serta memberi dan menerima pandangan serta pendapat walaupun ianya datang dari orang bawahan. Janganlah marah atau terasa tersinggung jika pandangan yang diberikan oleh orang bawahan bertentangan dengan fikiran kita. Malah jadikan ianya sebagai pandangan yang membina dan berguna untuk dijadikan rujukan dalam membuat keputusan. Ini kerana satu pandangan itu ibarat sebagai satu helai benang, jika ianya dikumpulkan dan dijadikan jadi satu, nescaya ianya teguh, kuat dan sukar untuk diputus.

Perbincangan dan musyawarah sebetulnya boleh meningkatkan rasa kekitaan di antara seorang ketua dan orang bawahan. Oleh yang demikian, keutamaan untuk melaksanakan mesyuarat bagi mencapai sebarang keputusan sangatlah ditekankan di dalam Islam sebagaimana Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah Asy-Syuraa ayat 38 :

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ
وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Tafsirnya:

Dan (juga bagi orang-orang yang mentaati perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dan urusan mereka diputuskan dengan bermesyuarat sesama mereka dan mereka membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

5. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menyarankan agar pegawai-pegawai yang menerima sijil pada hari ini akan dapat membantu Kementerian dan Jabatan masing-masing meningkatkan lagi mutu dan menyumbangkan nilai tambah perkhidmatan kepada orang ramai yang lebih efisien dan efektif. Dalam hal berkaitan, setiap tugas yang dijalankan dan usaha-usaha yang dirancang di Kementerian atau Jabatan masing-masing perlulah mengambil kira kepentingan pembangunan Perkhidmatan Awam secara keseluruhannya dan bekerjasama serta melibatkan semua agensi yang berkepentingan (*whole of nation approach*). Ini adalah untuk memastikan pencapaian tujuan utama Perkhidmatan Awam itu sendiri, iaitu untuk memenuhi keperluan awam serta ekspektasi rakyat serta penduduk Negara ini.

Dalam hal ini, pemimpin atau pegawai perlu mempunyai atau memiliki pemikiran seperti *Thinking Forward*, *Thinking Across* dan *Thinking Again* dalam mengenalpasti dan membuat jalan penyelesaian ke atas cabaran-cabaran yang akan mungkin dihadapi dalam Perkhidmatan Awam. Ini adalah sangat penting bagi memastikan Perkhidmatan Awam akan sentiasa relevan dan efisien dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Saya percaya dengan mempunyai pemimpin dan pegawai-pegawai yang berkaliber diikuti dengan pengurusan yang cemerlang dengan menerapkan akhlak yang mulia, Perkhidmatan Awam akan senantiasa '*vibrant*', berubah pantas mengikut keadaan semasa dan yang penting memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai. Saya juga percaya dengan mempunyai jentera Perkhidmatan Awam yang cemerlang, ianya akan membantu kedudukan negara dalam carta '*Ease of Doing Business*' kepada kedudukan yang lebih baik, In syaa Allah. Dengan sendirinya menarik minat dan kepercayaan negara luar untuk mengadakan usahasama bersama kita dan sendirinya FDI mudah diperolehi.

6. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin menyarankan bahawa tugas sebagai seorang pemimpin itu bukannya satu perkara yang mudah. Ia memerlukan akauntabiliti yang tinggi dan melibatkan pelbagai skop tugas dan tanggungjawab yang datang dari pelbagai sudut.

Cabaran-cabaran yang dihadapi bukan hanya bersifat statik, malah boleh berubah mengikut keadaan dan peredaran semasa. Namun, saya percaya dengan adanya ilmu pengetahuan, pengalaman serta kemahiran yang diperolehi melalui program-program pembangunan eksekutif seumpama ini, diperlengkapkan lagi dengan

pengukuhan nilai-nilai yang luhur lagi murni, itu sedikit sebanyak boleh membawa dan membantu para pegawai untuk menjadi barisan pemimpin yang lebih cemerlang, berwibawa, berintegriti dan berakhlak mulia. Kepada pegawai-pegawai muda, sukacita menasihatkan supaya gunakan peluang yang sedia ada untuk meningkatkan lagi mutu kepimpinan biskita dan jangan malu bertanya dan merujuk kepada pegawai-pegawai yang lebih berpengalaman.

7. Saya seterusnya tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Brunei Darussalam (UBD) khususnya Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA) dan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) atas kerjasama yang jitu yang telah diberikan selama ini dalam menjayakan program-program berkenaan. Saya juga ingin menyeru supaya pada program yang akan datang mempunyai nilai tambah atau pembaharuan terhadap isi kandungan pembelajaran 'modules' dengan mengambil kira maklumbalas dari peserta dan perubahan masa serta keperluan ketika ini supaya ianya akan dapat meningkatkan lagi impak kepada peserta-peserta yang akan datang.

8. Untuk akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta yang akan menerima sijil pada hari ini. Saya seterusnya berdoa dan berharap agar abiskita semua akan terus maju jaya dalam bidang kerjaya masing-masing, dan pada masa yang sama terus memelihara dan memperkukuhkan lagi jati diri dan menjaga imej serta nama baik Perkhidmatan Awam.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

